

Headline **Perpustakaan UiTM cemerlang**
Date **11 May 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **17**
Article Size **254 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,461**
PRValue **16,384**



Perpustakaan UiTM cemerlang

Pusat Dokumentasi Melayu DBP, Infolib Bernama turut terima APC



Zatul Iffah Zolkipli

KUALA LUMPUR: Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, dipilih pemenang Anugerah Perpustakaan Cemerlang (APC) Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) 2009 bagi kategori Perpustakaan Besar pada majlis penyampaian di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di sini, semalam.

Dua pemenang lain Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Pusat Maklumat dan Perpustakaan (Infolib) Bernama masing-masing bagi kategori Perpustakaan Sederhana dan Perpustakaan Kecil dengan setiap pemenang menerima sijil, wang



tunai RM5,000, piala pusingan dan piala iringan.

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan Ketua Pengarah PNM, Datuk Raslin Abu Bakar.

Pada majlis sama beliau turut menyampaikan sumbangan khas kepada perpustakaan terpilih iaitu Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB), Majlis AIDS

Malaysia dan Perpustakaan St Nicholas Home.

Dalam majlis itu, tiga graduan iaitu dua graduan ijazah sarjana dan seorang graduan sarjana muda turut diraikan apabila ketiga-tiganya dipilih sebagai pemenang Hadiah Pelajar Terbaik Sains Perpustakaan dengan masing-masing menerima wang tunai RM500, sijil dan plak.

Turut hadir, Naib Yang Dipertua (YDP) I PPM, Prof Madya Dr Mohd Sharif Mohd Saad dan Naib YDP II PPM, Maimunah Kadir.

Sementara itu, Raslin menasihatkan pustakawan untuk menjadikan diri mereka diperlukan dan penting walaupun dunia teknologi maklumat berkembang dengan pantas.